



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
3 September 2021**

PNB TAWAR BIASISWA LUAR NEGARA KEPADA 24 PELAJAR CEMERLANG

Kuala Lumpur, 3 September 2021: Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini telah menyampaikan surat tawaran Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB 2021 kepada 24 penerima anugerah yang berjaya terpilih. Dianggap sebagai salah satu program biasiswa paling berprestij di Malaysia, Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB memberi peluang kepada pelajar yang cemerlang dalam Sijil Peperiksaan Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian di universiti terkemuka di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn mengucapkan tahniah kepada para penerima kerana mempunyai iltizam dan kesungguhan yang tinggi untuk melanjutkan pelajaran dengan berkata, “Sebagai sebuah institusi yang diamanahkan dengan mandat sosial, PNB kekal konsisten memainkan peranan dalam pembangunan negara, dengan usaha pembangunan berterusan bagi melahirkan para pemimpin masa depan di Malaysia. Setelah menamatkan pengajian mereka, para pelajar ini akan berpeluang untuk turut sama menyertai PNB dalam usaha mencapai matlamat menjadi sebuah institusi pelaburan distinktif bertaraf dunia.”

“Sejak program biasiswa kami diperkenalkan pada tahun 1996, PNB telah menyumbang sejumlah RM341 juta untuk menaja lebih daripada 5,000 anak muda Malaysia yang berkelayakan.”

Kesemua pelajar terlebih dahulu akan mengikuti pengajian program A-Level selama dua tahun di Kolej Yayasan UEM (KYUEM) sebelum meneruskan pengajian ke peringkat sarjana muda dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan portfolio perniagaan PNB seperti perakaunan, kewangan, undang-undang, matematik, sains aktuari, sains komputer dan kejuruteraan.

Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB merupakan komponen utama dalam inisiatif pengurusan bakat dan

tanggungjawab sosial korporat (CSR) PNB, yang dirancang untuk memberi faedah secara langsung dan bermakna kepada pihak berkepentingan syarikat serta untuk memenuhi keperluan masyarakat. Empat teras program CSR PNB adalah Pendidikan, Literasi Kewangan, Peningkatan Taraf Hidup Masyarakat dan Inisiatif Perkongsian Pengetahuan.

Untuk maklumat lanjut tentang program biasiswa PNB, sila lawati <https://bit.ly/PNBAR20BM> dan juga [Instagram](#), [Facebook](#) serta [LinkedIn](#) rasmi kami.

Kapsyen Foto 1

Penerima Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB 2021 menerima surat tawaran daripada Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn dalam majlis yang diadakan secara maya. Turut hadir ialah beberapa ahli Kepimpinan PNB termasuk Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Dato' Mohd Nizam Zainordin.

Kapsyen Foto 2

Kenangan yang tidak mungkin dilupa - Ibu bapa penerima biasiswa tidak ketinggalan bergambar kenangan bersama anak masing-masing dan Kepimpinan PNB bagi meraikan kumpulan terbaharu penerima biasiswa PNB yang bakal turut sama menerajui syarikat ke arah mencapai visi menjadi institusi pelaburan distinktif bertaraf dunia.

-TAMAT-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan harta tanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad